

Malaysia kaji semula sekatan ekonomi ke atas rejim Pretoria

UM - 5 Feb 1991

KUALA LUMPUR 4 Feb. — Malaysia akan mengkaji semula sekatan ekonomi terhadap rejim Pretoria berikutan keputusan rejim itu meminda beberapa peraturan bagi menjamin persamaan hak rakyat negara itu sebagai langkah menghapuskan apartheid.

Perdana Menteri, 'Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad/berkata hari ini kerajaan akan mengkaji semula sekatan ter-

sebut berdasarkan kepada keadaan sebenarnya di Afrika Selatan.

"Ini memang perjuangan kita (menghapuskan dasar apartheid). Kita akan kaji sama ada kita harus adakan sekatan lagi.

"Kita akan kaji semula mengikut keadaan sebenarnya kerana kita mesti kaji kesannya. Kita tidak tahu sama ada apa yang akan dibuat mencukupi pada waktu ini,"

katanya ketika ditemui oleh para pemberita selepas merasmikan Simposium Strategi Pembangunan di sini hari ini.

Jumaat lalu di Cape Town, Presiden F.W. de Klerk berjanji akan menghapuskan secara menyeluruh dasar apartheid di Afrika Selatan menjelang Jun ini.

Beliau berkata, persidangan Parlimen Februari - Jun ini akan memansuhkan beberapa

undang-undang apartheid.

Ini termasuk Akta Kawasan Kaum 1950 yang memisahkan kawasan perumahan, Akta Tanah yang menyekatkan rakyat kulit hitam daripada memiliki tanah dan Akta Pendaftaran Penduduk 1950 yang membahagikan rakyat kepada empat kaum utama.

Sambil menyambut baik langkah-langkah tersebut, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, ini jelas menunjukkan bahawa Presiden de Klerk telah membuat banyak perubahan.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa memandangkan beliau (Presiden de Klerk) telah buat banyak perubahan, "kita perlulah mengkaji semula pendirian kita mengenai sekatan."

"Kita mestilah sentiasa mengkaji semula setiap pendirian yang telah dibuat berseesuaian dengan perkembangan semasa," tambahnya.

Ditanya mengenai tindakan Komanwel berikutan keputusan rejim Pretoria itu, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia boleh memberi pendapat tetapi terpulanglah kepada Komanwel untuk membuat keputusan.